



WAN MOKHTAR AHMAD
PENCETUS KEBANGKITAN
TERENGGANU MODEN

595122
HA

SHARIF PUTERA



WAN MOKHTAR AHMAD
PENCETUS KEBANGKITAN
TERENGGANU MODEN

Sharif Putera

PERDANA



1013924



PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

KUALA TERENGGANU • 2020

www.penerbit.unisza.edu.my



Cetakan Pertama / First Printing. 2020

© Hak cipta / Copyright Universiti Sultan Zainal Abidin, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Universiti Sultan Zainal Abidin Press.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA
Tel: 09-668 8282, Faks: 09-668 7867
Laman web: www.penerbit.unisza.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
4200-A, Simpang Tiga Telipot,
Jalan Sultan Yahya Petra,
15150 Kota Bharu,
Kelantan, MALAYSIA
Emel: pap.korporat@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia
Sharif Putera, 1943-

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

WAN MOKHTAR AHMAD: PENCETUS KEBANGKITAN
TERENGGANU MODEN/
Sharif Putera.
ISBN 978-967-2231-66-0

1. Wan Mokhtar Ahmad, Tan Sri, 1932-.
 2. Statesmen--Malaysia--Terengganu.
 3. Politicians--Malaysia--Terengganu.
 4. Government publications--Malaysia.
- I. Judul.

923.2595122

923.2595122

KANDUNGAN

Prakata....7

Pengenalan....9

Bab 1	Memori Zaman Kecil....15
Bab 2	Hari-hari yang Mencabar....27
Bab 3	Konflik di Negeri Orang....35
Bab 4	Fenomena Baharu Politik Terengganu....45
Bab 5	Belajar di Situasi Baharu...57
Bab 6	Politik yang lebih Mencabar...77
Bab 7	Tumbuhnya Pucak-pucak Perpecahan....93
Bab 8	Memperkasa Minda....103
Bab 9	Rakyat Diutamakan....117
Bab 10	Rakyat Berakhlak....127
Bab 11	Pentadbir yang Disegani....135
Bab 12	Pemimpin Nasional....147
Bab 13	Tempoh Gelora Rasa....163
Bab 14	Seorang Duta Beridea....177
Bab 15	Cabaran dan Dugaan....189
Bab 16	Perjalanan ke Sempadan....207

Rujukan....211

Lampiran....215

Indeks....231



PRAKATA

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayahNya telah memberikan kekuatan dalam menyiapkan buku *Wan Mokhtar Ahmad Pencetus Kebangkitan Terengganu Modern*. Buku ini diterbitkan sempena memperingati jasa dan sumbangan beliau sepanjang kariernya iaitu dari tahun 1974 hingga 2005.

Menyusuri pantai kehidupan Dato' Seri Amar DiRaja Tan Sri Dato' Haji Wan Mokhtar Ahmad (yang kemudian akan menggunakan Wan Mokhtar) merupakan suatu pengalaman baharu. Naluri untuk mendekati tokoh ini datang secara tiba-tiba selepas beliau diberi kepercayaan sebagai pemimpin kerajaan Terengganu bagi penggal kelima selepas Pilihan Raya Umum 1995.

Dalam tempoh dua dekad itu, banyak cerita baharu dapat dirakamkan daripada beliau. Penulisan ini sengaja mahu mengheret pembaca untuk melihat diari kehidupan Wan Mokhtar secara dekat: bagaimana beliau membina diri, menghadapi tekanan dan cabaran kehidupan yang dianggap sebagai beranjau-ranjau. Tanpa memiliki daya juang yang tinggi, seseorang itu akan terjerumus ke longkang kehidupan yang sukar. Sesungguhnya tokoh ini merupakan ikon infrastruktur awam serta pendidikan di Terengganu. Walaupun penulisan kali ini sangat mencabar tetapi sangat berbaloi kerana dapat merakamkan sebuah kehidupan tokoh yang banyak berjasa kepada bumi Terengganu Darul Iman.

Adalah diharapkan dengan penerbitan buku ini, masyarakat khususnya rakyat Terengganu akan lebih mengenali peribadi dan ketokohan beliau sebagai seorang pencinta ilmu yang menekankan kepentingan pendidikan.

Kepada keluarga, sahabat dan rakan seperjuangan Wan Mokhtar yang telah memberi kerjasama dan melapangkan masa untuk menceritakan pengalaman ketika bersama tokoh ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Tanpa kerjasama mereka, mana mungkin buku ini dapat disiapkan.

Sharif Putera

PENGENALAN

Selama 25 tahun mentadbir Terengganu bermula pada 1974-1999, tokoh ini amat dikenali sebagai seorang pemimpin yang mengutamakan pembangunan dan penyebaran pendidikan Islam. Perjalanan bekas guru bahasa Inggeris ini dalam kancah politik bermula pada tahun 1963 dengan terlibat secara aktif dalam UMNO. Beliau menjadi Ahli Parlimen Kemaman setelah memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 1964.

Kecemerlangan tadbir urus dalam perkhidmatan awam menuntut ciri-ciri kepimpinan yang berkualiti dan amat diperlukan dalam sesebuah negara. Tidak berlebihan sekiranya menggelar tokoh ini sebagai 'wira' yang mewarnai wajah Terengganu dari landskap sebuah negeri yang suram kepada sebuah negeri yang berwajah baharu. Semakin lama mendekati diri tokoh yang dilahirkan pada tahun 1932 ini, semakin banyak rahsia dirinya terungkai yang memperlihatkan penyerlahan beliau sebagai seorang ketua dan pemimpin seperti yang disebut Lokman Abdul Rahman dalam bukunya *Islam dan Kualiti Kepimpinan*. Lokman menyebut 15 ciri yang perlu ada pada seseorang Muslim untuk benar-benar bergelar pemimpin (Lokman 1998). Ciri-ciri itu ialah:

1. Berilmu
2. Berlaku Adil
3. Mempunyai kemampuan
4. Memiliki sahsiah diri yang baik
5. Usrah Hasanah (yang baik)
6. Kebenaran dari segi perkataan dan perbuatan
7. Merendah diri
8. Disiplin menjaga masa
9. Memiliki perasaan tanggungjawab

10. Kehidupan yang berdisiplin
11. Memiliki peribadi yang unggul
12. Patuh kepada suruhan Allah
13. Sentiasa rasa puas hati dan bersyukur
14. Ikhlas

Setiap individu mempunyai bakat sebagai pemimpin. Tetapi pada lazimnya keterampilan bakat itu akan pudar ketika berada di peringkat awal dan pertengahan usia. Namun tidak pada diri individu yang bernama Wan Mokhtar. Keterampilan bakatnya sebagai pemimpin terserlah bermula sejak zaman remaja lagi di Madrasah Sultan Zainal Abidin Ladang, kemudian semakin menyerlah semasa menjadi pemimpin pelajar di Universiti al-Azhar. Akhirnya kecemerlangan bakat pemimpin terserlah di negeri tumpah darahnya Terengganu. Dengan memiliki sifat sabar, tabah dan bersemangat tinggi, Wan Mokhtar telah berjaya mengatasi banyak rintangan dan halangan baik sebelum dan ketika menjejaki tanah Mesir dan semasa pulang ke tanah air. Slogan ‘aku boleh’ menjadi prinsip hidup beliau dan secara diam menumbuhkan keinginan untuk menjadi pemimpin yang dikenang orang. Sesungguhnya beliau meninggalkan nama yang baik ketika meninggalkan bumi Mesir.

Bakat kepimpinan yang didandani dengan kesungguhan dan kegigihan mencari ilmu pada tahap pencapaian akademik yang terbaik, menjadi inspirasi untuk menyusuri alur kehidupan beliau dari dekat. Kecenderungan Wan Mokhtar menjadikan buku dan kitab suci al-Quran sebagai teman harian sangat menarik perhatian. Tanpa minat sedemikian tidak mungkin beliau menggalakkan orang ramai membaca dengan segera mewujudkan perpustakaan di setiap daerah, mewujudkan perpustakaan bergerak untuk masuk ke desa-desa, menganjurkan pesta buku dan pertandingan membaca buku.

Nasib atau tuah seseorang itu sebenarnya tidak dapat diketahui sehingga ia benar-benar diletakkan oleh Allah pada tempatnya. Bak kata pepatah orang tua, ‘Benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau’. Demikian tuah yang diperoleh Wan Mokhtar pada tahun 1964 apabila tanda diduga oleh sesiapa, seorang bekas pemimpin pelajar dari Mesir dipilih sebagai calon kerusi Parlimen Kemaman-terjun dalam lorong politik sepenuh masa di sebuah daerah yang terawal berkembangnya UMNO di Terengganu. Dalam sejarah politik Terengganu,

Kemaman merupakan kawasan yang mempunyai keahlian UMNO yang paling ramai khususnya golongan wanita.

Wan Mokhtar tidak terfikir bahawa kehidupan beliau dalam usia 32 tahun itu, telah diamanahkan dan diberikan kepercayaan memimpin ribuan rakyat di kawasan bandar, desa dan di pedalaman. Tetapi tidak ramai yang mengetahui liku-liku pekerjaannya.

Ditakdirkan kehadiran beliau bagai diatur dalam kancah politik Terengganu. Di Kemaman, beliau mengambil sikap meminggirkan diri daripada krisis kuasa politik. Tetapi akhirnya beliau diberi tugas sebagai pendamai, suatu tugas yang amat sesuai dengan sifat diri beliau yang beramanah. Tugas yang ditunjukkannya dengan ikhlas diperhatikan dengan penuh cermat oleh pemimpin tertinggi sehingga akhirnya diberi kepercayaan memimpin UMNO Bahagian Kemaman dalam usia 36 tahun.

Bagi Wan Mokhtar, setiap individu di sekeliling beliau adalah jujur. Namun begitu, tanpa sedar beliau mudah dicairkan oleh lakonan segelintir rakyat yang cuba mengambil kesempatan atau peluang peribadi, maka sejumlah tindakan beliau merugikan beliau. Dalam autobiografi *Muzakkirah: Sebuah autobiografi suku abad menerajui kerajaan Terengganu* (Mokhtar Ahmad 2008) beliau telah menyenaraikan dua belas peristiwa bagaimana beliau seperti ditipu rakyat yang menganggap seorang wakil rakyat sebagai orang kaya yang mudah meminjamkan wang. Antara kes-kes tersebut adalah:

1. Seorang penternak kerbau telah menemui beliau untuk meminjam wang sebanyak lima ratus ringgit bagi tujuan membayar denda mahkamah kerana haiwan ternakannya telah merosakkan kebun jiran. Wan Mokhtar berikhtiar mencari wang itu dengan janji bahawa penternak itu perlu membayar balik wang tersebut. Namun begitu, janji tersebut tidak di tunai apabila penternak itu menjadi ahli parti lawan.
2. Seorang lelaki memohon bantuan dua ribu ringgit untuk membayar pendahuluan pembelian sebuah lori. Wang pendahuluan lori tersebut adalah sebanyak lima ribu ringgit tetapi lelaki tersebut hanya mempunyai tiga ribu ringgit dalam simpanan. Melihat keadaan itu, Wan Mokhtar telah meminjamkan wang kepada lelaki tersebut.

3. Ketika menjadi Menteri Besar, seorang lelaki dari selatan Terengganu telah memohon untuk mendapatkan bantuan wang sebanyak 5,000 Ringgit. Ia bertujuan untuk membuat pembayaran sewaan bas dari Terengganu ke Kelantan. Wan Mokhtar telah menasihatkan lelaki supaya berjimat cermat dan menaiki kereta sahaja. Dalam pada itu, beliau turut wang sebanyak 1,000 Ringgit. Lelaki itu menolak wang tersebut dan pulang dalam keadaan marah.

Itulah Wan Mokhtar yang hendak diterokai kehidupannya daripada seorang insan biasa kepada seorang yang berkedudukan tinggi di peringkat kerajaan negeri dan nasional dalam hierarki parti pemerintah negara.

Wan Mokhtar telah diberi peluang menjadi Menteri Besar Terengganu dalam usia 42 tahun ketika negeri itu berada dalam zon kemiskinan tegar. Allah Maha Kaya, negeri yang miskin tegar itu perlahan-lahan bangkit daripada kemiskinan apabila Allah s.w.t. mengurniakan rahmat selepas PETRONAS berjaya menemui telaga minyak yang besar bersetentang pantai Terengganu pada tahun 1978.

Beliau telah membangunkan negeri Terengganu dari desa ke kota, menyambung perhubungan perjalanan darat dari desa terpencil ke kota. Jalan perhubungan berkualiti itu menjalar ke merata kampung. Beliau secara beransur-ansur melihat satu demi satu kekurangan yang perlu diisi untuk rakyat Terengganu. Beliau menjadi penggerak dan pemberi motivasi penting dalam gerakan pendidikan dengan menawarkan pelbagai insentif kepada murid dan pelajar supaya mengejar ilmu yang ada di muka bumi ini.

Selama 25 tahun sebagai peneraju negeri, pelbagai perubahan dan pembaharuan telah dilakukan untuk kebaikan rakyat. Selepas Terengganu mendapat royalti minyak, pelbagai bantuan telah dirancang untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Kesannya usaha PAS untuk menawan hati golongan sasar ini sering terbantut. Usaha parti lawan untuk menewaskan UMNO di gelanggang Pilihan Raya Umum tidak pernah tercapai sehinggalah pada Pilihan Raya Umum 1999 yang dikatakan bukan kekalahan itu berpunca daripada kekuatan PAS.

Pemerhatian secara langsung sejak Pilihan Raya Umum 1959, memperlihatkan bahawa Wan Mokhtar seorang tokoh yang sukar ditumbangkan oleh PAS. Parti PAS telah menyusun strategi sebanyak tiga kali untuk menumbangkan BN/UMNO, iaitu dalam Pilihan Raya Umum 1986 dengan 3T (Tahun Tawan Terengganu), 1990 dengan 3T2 dan 3T3 pada 1995 tidak kesampaian. Setiap kali menggempur UMNO, parti PAS seperti berkeyakinan penuh akan menang mudah sehingga menyenaraikan barisan Exco penuh (1996). Pada tahun 1990, dengan sokongan parti serpihan UMNO iaitu Semangat 46, PAS kelihatan lebih yakin akan berjaya menumbangkan UMNO di bawah kepimpinan Wan Mokhtar. Namun begitu, pembangkang masih gagal untuk menjatuhkan pucuk kepimpinan beliau.

Meskipun tidak lagi menjadi Menteri Besar pada tahun 1999, ternyata khidmat dan sumbangannya masih lagi diperlukan apabila beliau dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi bagi tempoh lima tahun iaitu pada 2000-2005.

Sesungguhnya, Wan Mokhtar memenuhi ciri-ciri seorang pemimpin yang berkarisma dan pentadbir yang cekap sebagaimana yang dirumuskan oleh naskhah *LEADERS*, tulisan Warren Bennis & Burt Nanus (1985) sebagai “commitment ,complexity and credibility”, kepada seorang yang mempunyai ciri “effective leadership can move organization from current to future states create visions of potential opportunities of organizations”.



BAB 1

Memori Zaman Kecil

Wan Mokhtar dilahirkan pada 21 Mac 1932 bersamaan 14 Zulkaedah 1350H di Tanjung Nesan Batu Empat, Ladang. Beliau merupakan anak sulung kepada Wan Ahmad Abd Halim dan Fatimah Muhamad. Ayah beliau yang berasal dari Kampung Daik, Kuala Terengganu merupakan seorang peniaga di kedai runcit berhampiran Pasar Payang. Manakala, ibunya berasal dari Tanjung Nesan Batu Empat, Ladang merupakan seorang penenun kain songket. Wan Mokhtar mempunyai seorang adik lelaki bernama Wan Mansor.

Selepas kelahiran Wan Mansor, nenek beliau (ibu Wan Ahmad) Wan Mandak, meminta izin untuk mengasuh Wan Mokhtar. Memandangkan jarak rumah Wan Mandak tidak jauh dari kedai Wan Ahmad, kedua ibu bapa Wan Mokhtar bersetuju dengan permintaan tersebut. Wan Ahmad yakin dan percaya bahawa Wan Mandak mampu menjaga dan mendidik Wan Mokhtar dengan penuh kasih sayang.

Namun ketika Wan Mokhtar berusia tiga tahun, adiknya Wan Mansor telah jatuh sakit dan meninggal dunia. Kehilangan Wan Mansor yang ditatang seperti minyak yang penuh itu menyebabkan Fatimah berada dalam keadaan murung. Kerjaya Fatimah sebagai seorang penenun songket turut terjejas. Walaupun Wan Ahmad sering meninggalkan Terengganu untuk menjalankan urusan perniagaan namun Fatimah tetap dipantau dengan sempurna (Wan Mokhtar 1995).

Kehilangan Orang Tersayang

Ketika Wan Mokhtar memasuki usia lima tahun, Fatimah mengalami demam panas yang serius dan meninggal dunia. Wan Ahmad menerima takdir kehilangan isteri yang dicintai sama seperti waktu kehilangan putera keduanya sebelum itu. Kehilangan Fatimah turut dirasai oleh Wan Mandak. Pemergian menantunya dalam usia yang masih muda itu cukup memilukan perasaannya. Pengorbanan dan kebaikan Fatimah tidak dapat dibalas Wan Mandak.

Bagi memastikan hubungan kekeluargaan tidak terputus, Wan Ahmad telah dijodohkan dengan Wok Khatijah yang merupakan adik kepada Fatimah. Hasil perkahwinan tersebut mereka dikurniakan empat cahaya mata, iaitu Wan Asiah, Wan Abdullah (meninggal ketika usia setahun), Wan Zaki dan Wan Latifah. Melihat kesukaran Wok Khatijah menjaga Wan Abdullah yang kerap sakit, Wan Mandak membuat keputusan untuk mengambil Wan Asiah untuk tinggal bersama dengan abangnya Wan Mokhtar. Walaupun, tinggal bersama dengan Wan Mandak, mereka sering pulang ke rumah kedua-dua ibu bapa mereka di Tanjung Nesan Batu Empat (Sharif Putera 1999).

Wan Mokhtar dibesarkan oleh neneknya dengan penuh kasih sayang dan berdisiplin terutamanya dalam hal pemakanan, pemakaian dan lain-lain. Menurut Wan Mokhtar (1995), neneknya akan memastikan cucu-cucunya tidur pada jam 9.00 malam dan akan bangkit pada setiap 6.00 pagi untuk menyiapkan air suam bagi memandikan cucu-cucunya. Selepas waktu persekolahan pula Wan Mokhtar akan ke rumah datuk saudaranya untuk mengaji al-Quran. Begitulah rutin harian Wan Mokhtar sepanjang tinggal bersama nenek kesayangannya.

Tahap disiplin Wan Mandak begitu tinggi. Ini dapat dilihat daripada beberapa peristiwa seperti peristiwa pembelian oleh Wan Asiah. Pisang tersebut dikatakan telah menggunakan bahan pengawet. Ekoran itu, Wan Asiah terpaksa memulangkan semula pisang tersebut. Peristiwa kedua melibatkan adiknya Wan Latifah yang membawa kuih dari rumahnya di Tanjung Nesan Batu Empat tetapi dimarahi Wan Mandak kerana Wan Latifah tidak berpakaian kemas. Wan Latifah terpaksa pulang dan berpakaian lebih sopan sebelum menyerahkan kuih itu kepada neneknya.

Terasuh dalam Disiplin

Wan Mokhtar dan adiknya terasuh dalam didikan agama sepenuhnya sejak kecil lagi. Ketika memasuki sekolah menengah, Wan Mandak telah meninggal dunia. Berikutan kematian WAN Mandak, Wan Ahmad mengambil semula kedua-dua anaknya untuk tinggal bersamanya di Tanjung Nesan Batu Empat.

“Saya merupakan individu paling rapat dengan abang. Kami tinggal sebumbung sejak kecil di bawah asuhan nenek di Kampung Daik. Selepas nenek meninggal, kami tinggal bersama ayah.”

(Wan Asiah 1999)

Didikan Wan Ahmad sama sepertimana yang dilakukan oleh Wan Mandak. Seawal pagi Wan Ahmad akan mengejutkan empat orang anaknya untuk bangkit solat subuh. Sebelum tidur, Wan Ahmad akan menyediakan empat baldi air yang diletakkan di tepi tangga untuk mereka ambil wuduk. Amalan tersebut diberhentikan apabila ayah mereka yakin mereka berani untuk mengambil wuduk sendiri dalam keadaan gelap. Selain menjaga waktu solat, Wan Ahmad juga mengambil berat dalam pembelajaran al-Quran anak-anak.

“Saya dan abang khatam al-Quran ketika usia sembilan tahun. Ayah sangat mengawal pergerakan anak-anak perempuan. Kami tidak dibenarkan untuk ke sekolah secara bersendirian. Sekiranya abang tidak bersama, ayah akan menyewa sebuah beca untuk pergi dan balik. Ayah akan mengarahkan pengayuh beca menutup bahagian hadapan supaya kami tidak terdedah daripada pandangan orang ramai. Saya masih mengingati nasihat arwah iaitu; kita duduk dalam rumah buatlah seperti kita duduk dalam akhirat. Anak-anak janganlah buat benda-benda yang menyalahi agama”.

(Wan Asiah 1999)

Wan Mokhtar dilihat sebagai seorang yang begitu mengambil berat mengenai adik-beradiknya. Tanggungjawabnya sebagai abang tetap kekal walaupun beliau telah memegang jawatan tinggi. Wan Mokhtar sering menemani adik-adiknya dalam apa jua aktiviti yang diadakan di sekolah dan akan menunggu sehingga selesai. Wan Mokhtar dikenali sebagai seorang yang ingin mengetahui dan mempelajari perkara yang baharu. Beliau pernah belajar memasak, mencandat sotong, membuat barangan daripada tembaga dan membuat penyapu daripada sabut kelapa (Wan Asiah 1999).

Zaman Kenal Huruf

Wan Mokhtar mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Paya Bunga pada tahun 1939. Ketika itu terdapat dua buah sekolah Melayu di Bandar Kuala Terengganu iaitu Sekolah Melayu Bukit Jambul dan Sekolah Melayu Paya Bunga. Oleh kerana Sekolah Melayu Paya Bunga tidak begitu jauh dari Kampung Daik, Wan Ahmad memilih sekolah tersebut untuk Wan Mokhtar.

Mengenang kembali kelas darjah satu yang diduduki Wan Mokhtar. Beliau diajar oleh seorang guru yang bernama cikgu Lebar. Cikgu Lebar merupakan seorang guru yang sangat tegas dalam mendidik. Masih segar di ingatan apabila cikgu Lebar mengajukan satu soalan kepada semua murid. Apakah cita-cita kamu apabila tamat sekolah nanti?. Pelbagai jawapan yang diperoleh, ada yang ingin menjadi cikgu dan ada juga yang menjadi seorang polis kerana dapat memakai uniform dan boleh menangkap orang. Namun terdapat seorang murid memberi jawapan yang menyebabkan cikgu Lebar terkejut.

“Saya mahu jadi macam ayah saya, cikgu.”

Cikgu Lebar bertanya balas, “Apa kerja ayah kamu?.”

Murid itu menjawab, “Ayah saya hisap rokok cap kucing, cikgu.”

Cikgu Lebar tersentak. Mukanya berubah. Dia merungut tetapi agak jelas pada pendengaran “Sampah betul budak ini.”

(Wan Mokhtar 1999)

Menurut Wan Mokhtar, beliau tidak menjawab soalan tersebut apabila melihat Cikgu Lebar menarik muka masam. Pengalaman bersekolah ketika itu sangat berbeza jika dibandingkan dengan zaman sekarang. Di sekolah, mereka diajar membaca, menulis dan mengira. Murid-murid tidak diberikan buku melainkan papan batu dan pensel. Papan batu berfungsi sebagai medium untuk menulis dan menyalin nota ketika belajar. Walaupun kerja rumah tidak diberikan, pihak sekolah akan menyediakan laporan kemajuan yang akan diserahkan kepada ibu bapa di akhir sesi persekolahan. Sistem pendidikan ketika itu mengukur kejayaan seseorang murid berdasarkan kebolehan membaca dan mengira. Wan Mokhtar menceritakan reaksi bapanya yang kehairanan melihat laporan kemajuan. Wan Mokhtar sentiasa mendapat nombor yang sama setiap tahun. Menurut Wan

Mokhtar, beliau terpaksa berterus terang kepada ayahnya yang beliau tidak perasan dan ini menyebabkan laporan kemajuannya tidak menunjukkan peningkatan.

Ketika Wan Asiah menjejaki usia tujuh tahun, dia turut dihantar ke Sekolah Paya Bunga. Manakala, Wan Zaki tidak dapat belajar dengan sempurna kerana sering sakit. Adik bongsunya Wan Latifah, sekalipun berminat untuk belajar seperti abang dan kakaknya, ibunya tidak membenarkannya untuk bersekolah. Wan Latifah diminta membantu membuat kuih untuk jualan harian yang begitu laris pada waktu itu. Menurut Wan Mokhtar:

“Masih segar di ingatan apabila adik bongsu saya meminta izin untuk belajar. Tetapi ibu tidak benarkan, hanya saya dan Wan Asiah sahaja yang akan belajar. Ibu mahu adik bersama-samanya membantu kami. Saya sangat sedih apabila mengenangkan hal itu. Mereka terpaksa berkorban untuk kami.

(Wan Mokhtar 1999)

Wan Mokhtar sempat belajar di Sekolah Melayu Paya Bunga sehingga darjah lima sebelum Perang Dunia Kedua meletus. Kapal terbang Jepun mengebom Kuala Terengganu dan sasaran mereka ialah depoh minyak di Pulau Kambing yang berhampiran dengan tempat tinggal neneknya. Apabila pemerintah Jepun menapak di Kuala Terengganu, Sekolah Inggeris Sultan Sulaiman telah diarahkan untuk memberhentikan operasi. Hanya sekolah Melayu dan Arab sahaja dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa (Wan Mokhtar 1999).

Sekolah Baharu yang Menyeronokkan

Setelah tamat sekolah rendah, Wan Mokhtar melanjutkan pelajarannya ke Madrasah Sultan Zainal Abidin di Ladang. Ia merupakan sebuah sekolah yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Pada masa yang sama ramai ibu bapa terpaksa memindahkan anak-anak mereka dari Sultan Sulaiman Secondary School ke sekolah yang sama berikutan sekolah Inggeris itu diarah tutup oleh pemerintah Jepun.

Sebagai pelajar baharu, mereka diwajibkan untuk menjalani minggu suai kenal. Pelbagai aktiviti telah diadakan, antaranya ialah pertandingan kawad dan penerbitan risalah. Oleh

kerana mempunyai kepimpinan yang tinggi, beliau dilantik untuk menjadi ketua kumpulan. Matlamat utama Wan Mokhtar adalah untuk mendapatkan gelaran juara keseluruhan. Bagi mencapai matlamat tersebut, ahli pasukannya diwajibkan untuk berlatih setiap hari dari jam 1.00 tengah hari hingga 3.00 petang. Demi mengekalkan momentum pasukan, Wan Mokhtar meminta ibunya untuk menyediakan bubur kacang ataupun belebat sebagai hidangan selepas berlatih. Langkah tersebut menyebabkan tidak ada seorang pun ahli pasukan yang ponteng latihan. Hasil latihan yang tidak kenal penat lelah itu, pasukan pimpinan Wan Mokhtar dinobatkan sebagai pasukan kawad terbaik.

“Setiap pelajar telah dibahagikan kepada empat kumpulan dan diwajibkan menyertai aktiviti yang telah ditetapkan. Saya ditugaskan mengetuai pelajar baharu sebagai jurulatih dalam semua aktiviti selama enam bulan sebelum mereka diserapkan ke rumah masing-masing.”

(Wan Mokhtar 1995)

Dalam pertandingan penerbitan risalah pula, setiap kumpulan diberi kebebasan untuk menghasilkan risalah yang dapat menarik minat pelajar. Bagi menampakkan kelainan, Wan Mokhtar mencadangkan supaya risalah tersebut diisi dengan ilustrasi kartun berkaitan dengan isu semasa. Tanpa disangka risalah yang diterbitkan itu mendapat sambutan yang luar biasa dalam kalangan pelajar.

Di Madrasah Sultan Zainal Abidin, Wan Mokhtar ditempatkan di kelas Ilahiyah. Ramai dalam kalangan murid kelas tersebut merupakan bekas pelajar Sultan Sulaiman Secondary School. Bagi memenuhi hasrat ibu bapa, pihak madrasah telah membenarkan pelajar mereka untuk mempelajari bahasa Inggeris yang sebelum ini menjadi bahasa pengantar dengan membuka kelas tambahan bahasa Inggeris pada waktu petang. Wan Mokhtar mengambil peluang untuk mengikuti kelas tersebut walau pun pengetahuannya dalam bahasa Inggeris kurang berbanding rakan-rakan daripada sekolah aliran Inggeris.

“Sekolah baharu sangat menyeronokkan. Pelbagai aktiviti yang diperkenalkan antaranya perbarisan kawat, bersyarah dan berbahas dalam bahasa Arab, pelbagai acara sukan dan persembahan budaya seperti pementasan drama.”

(Wan Mokhtar 2017)

Kemasukan bekas pelajar Sultan Sulaiman Secondary School yang kerap bertutur dalam bahasa Inggeris membawa kesedaran yang sangat bermakna kepada Wan Mokhtar. Beliau melihat kebolehan berbahasa Inggeris sangat penting terutama ketika berhadapan peluang mencari kerja. Ketika itu, mereka yang berkelulusan bahasa Inggeris diberi keutamaan bekerja dengan jabatan kerajaan. Untuk mencapai kejayaan, Wan Mokhtar bertekad untuk mempelajari bahasa Inggeris secara serius selain menguasai bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar di madrasah berkenaan. Walaupun terdapat kelas bahasa Inggeris pada waktu petang, beliau mengambil inisiatif untuk mempelajari bahasa tersebut di The Grammar School yang diadakan pada waktu malam. Menurut Wan Asiah;

"Tabiat abang yang ingin tahu dan tidak puas hati dengan pencapaian itu sehingga terbawa-bawa dalam kehidupan beliau. Tabiat itu dapat dilihat ketika abang belajar di Madrasah Sultan Zainal Abidin. Beliau bukan sekadar belajar bahasa Inggeris di kelas petang, malah, mempelajari bahasa tersebut di The Grammar School di sebelah malam."

(Wan Asiah 1999)

Selain belajar bahasa Arab dan Inggeris secara insentif, Wan Mokhtar juga mengambil peluang untuk mengikuti kelas trengkas pada setiap petang hari Sabtu dan Ahad di sebuah kelas persendirian. Beliau berjaya memperoleh sijil dengan kepantasan 80 patah perkataan seminit. Walaupun hari minggu beliau dipenuhi dengan pelbagai aktiviti, beliau tetap mengutamakan bidang akademik. Namun begitu, terdapat sesuatu yang merunsingkan beliau, selama berada di madrasah. Kedudukan dalam peperiksaan sepanjang tempoh dua tahun tidak menunjukkan perubahan dan beliau kekal di tempat ketujuh. Keputusan peperiksaan tersebut menghantui pembelajarannya.

Mendapat Petua Cemerlang

Wan Mokhtar seorang yang tidak pernah kenal putus asa dan beliau bertekad untuk mencapai kecemerlangan dengan belajar bersungguh-sungguh. Bagi mencapai hasrat tersebut, menjelang peperiksaan akhir tahun ketiga, beliau mula mendekati guru-guru mata pelajaran yang dirasakan beliau kurang berjaya. Beliau berkesempatan menemui guru fiqah, Ustaz Haji Wan Yaakob

untuk mendapatkan nasihat. Menurut Wan Mokhtar, nasihat guru beliau telah memberi motivasi dan kesedaran.

”Seseorang pelajar itu mesti memenuhi dua syarat iaitu, faham akan pelajaran yang dipelajari dan keduanya mesti mengingatinya. Nasihat yang cukup mendalam dan masih diingati”

(Wan Mokhtar 1999)

Tidak selesai dengan pertemuan itu, Wan Mokhtar bersama rakannya, Nik Abdullah Zin ke kediaman Ustaz Haji Wan Yaakob di Pulau Duyung. Di sana Wan Mokhtar lebih menumpukan perhatian kepada cara untuk mengukuhkan mata pelajaran bahasa Arab yang dirasakan masih jauh berkurangan.

Kerja keras beliau membuah hasil apabila memperoleh keputusan cemerlang dengan mendapat tempat pertama. Kejayaan Wan Mokhtar memeranjatkan rakan sekelas terutamanya rakan karibnya iaitu Engku Hatim Sembak.

“Kami cuba mencungkil rahsia kejayaan beliau. Apa yang kami tahu, beliau seorang yang rajin membaca dan tidak pernah kenal erti putus asa. Kami kalah dengan beliau.”

(Engku Hatim Sembak 1995)

Pegangan hidup Wan Mokhtar ialah belajar bersungguh-sungguh dan tidak pernah jemu untuk belajar demi mencapai kecemerlangan di masa hadapan. Beliau sedar, rakan sekelas berasa hairan dengan kepantasannya menguasai bahasa Arab hanya dalam tempoh empat tahun sahaja. Untuk menguasai kedua-dua bahasa tersebut beliau telah menggunakan kaedah menghafal. Bagi beliau, nasihat dan doa seorang guru sangat penting. Rekod kecemerlangan beliau kekal tiga tahun berturut-turut sehingga tamat belajar (Wan Mokhtar 1999).

Azam Hendak ke Mesir

Wan Mokhtar menanam azam untuk belajar di Universiti al-Azhar, Mesir sejak di tingkatan tiga. Beliau mengakui sedikit sebanyak terpengaruh dengan filem-filem Mesir lakonan Muhammad Abdul Wahab dan Ummi Kalsom. Cita-cita untuk ke Mesir terus membara selepas beliau mendapat kelulusan cemerlang dengan sijil pangkat pertama. Sijil tersebut telah disampaikan oleh Raja Muda Terengganu dalam satu majlis tamat sekolah. Kecemerlangan Wan Mokhtar turut dikongsi bersama

adik-adiknya. Beliau sering menasihatkan adik-adiknya supaya menambah kemahiran berbahasa Arab hingga ke Timur Tengah (Wan Mokhtar 1997).

Sebaik sahaja tamat sekolah, sebahagian daripada rakan-rakan beliau di The Grammar School telah ke Singapura dan Pulau Pinang untuk memperoleh Overseas School Certificate (OCS). Pembelajaran bahasa Inggeris di Terengganu ketika itu amat terhad dan kelas ditawarkan sehingga peringkat VII. Minat mendalam Wan Mokhtar untuk menguasai bahasa Inggeris, beliau menyatakan hasrat untuk menyambung pengajian bahasa Inggeris di luar Terengganu namun Wan Ahmad tidak membenarkannya. Sumber kewangan yang terhad telah membataskan kehendak Wan Mokhtar, beliau tetap akur dengan keputusan ayahnya dan terus mempelajari bahasa Inggeris di The Grammar School. Dalam masa yang sama beliau ditawarkan untuk menjadi guru bahasa Inggeris di Madrasah Sultan Zainal Abidin pada sebelah petang dengan imbuhan 25 Ringgit sebulan. Walaupun imbuhan yang diterima itu dikatakan agak rendah tetapi sangat besar kepada diri beliau.

Selepas setahun mengajar, hasrat Wan Mokhtar untuk mempelajari bahasa Inggeris di peringkat lebih tinggi akhirnya tercapai. Beliau memilih Anglo Chinese Afternoon School untuk menyertai rakan-rakan beliau yang sudah berada di sana iaitu, Wan Abdul Manan Chik, Wan Endut dan Wan Ishak. Wan Mokhtar bersama ayahnya berangkat ke Pulau Pinang melalui Kota Bharu dan Selatan Thailand menggunakan kereta api. Ia merupakan satu-satunya jalan darat untuk ke Pulau Pinang ketika itu. Di Pulau Pinang, Wan Mokhtar menumpang di rumah Ustaz Ahmad Berjunid yang terletak di Kalawai Road (Wan Mokhtar 1997).

Pada hari pertama memasuki kelas, beliau telah diberikan dua latihan mengarang esei. Beliau hanya mampu menulis satu pertiga muka surat sahaja kerana kekurangan perbendaharaan kata bahasa Inggeris dan kekeringan idea. Namun begitu, selepas enam bulan mengikuti kelas tersebut, beliau mula dapat menguasai bahasa Inggeris seperti rakan-rakan yang lain (Wan Mokhtar 1997).

Sepanjang berada di sana, pelbagai aktiviti telah beliau sertai antaranya adalah menyampaikan syarahan sempena majlis

sambutan keputeraan junjungan Nabi Muhammad s.a.w.. Beliau sering dijemput untuk menyampaikan ceramah di majlis-majlis rasmi dan diberi ganjaran (Wan Mokhtar 1997).

Perjalanan ilmu Wan Mokhtar tidak terhenti di situ sahaja. Setelah berjaya mendapat Sijil Darjah VIII Cambridge, beliau mendapat berita bahawa kerajaan negeri Terengganu menawarkan biasiswa Sultan Ismail Nasiruddin Shah kepada pelajar lulusan pendidikan Arab untuk melanjutkan pelajaran di Mesir. Wan Mokhtar tidak melepaskan peluang keemasan untuk memohon biasiswa tersebut. Walaupun berasa risau kerana sudah lama meninggalkan pelajaran bahasa Arab, beliau tetap memberanikan diri. Wan Mokhtar menulis surat kepada Pesuruhjaya Agama Negeri, Tengku Pekerma melalui Guru Besar Madrasah Sultan Zainal Abidin, Sheikh Mahmood Bakar Rafei. Dalam surat bertarikh 4 Mei 1953, beliau menerangkan secara terperinci latar dirinya iaitu pelajar yang lulus pangkat 1 dan pernah menghadiri kelas persediaan ke universiti Timur Tengah. Beliau turut merayu untuk diberi peluang supaya beliau memasuki ujian yang bakal dilakukan oleh Jabatan Agama. Surat tersebut dihantar sendiri oleh Guru Besar kepada Pesuruhjaya Agama pada hari yang sama (Wan Mokhtar 1997).

Difahamkan, tidak ramai yang memohon biasiswa ke Mesir kerana sebilangan masyarakat beranggapan bahawa pelajar kelulusan agama dari Mesir akan mendapat gaji yang rendah berbanding kelulusan Senior Cambridge yang diterima sebagai pegawai kelas satu. Ketika beliau memohon biasiswa tersebut, beliau telah dinasihatkan untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab di tingkatan sembilan.

Pada 30 Mei 1953, beliau dan enam pemohon lain dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga. Temu duga dilakukan dalam dua sesi iaitu secara lisan dan bertulis. Sesi secara lisan melibatkan pelajaran fikah, tafsir, hadis dan dua mata pelajaran lain. Manakala bagi sesi bertulis calon dikehendaki menghasilkan penulisan berdasarkan kisah dalam al-Quran daripada surah al-Taubah ayat 22. Ujian secara lisan dilakukan oleh panel terdiri daripada Sahibu Samahah Tuan Mufti Negeri Tuan Haji Wan Long, Muhamad Salleh bin Ahmad (Dato' Sangsura Pahlawan) disaksikan oleh Haji Mohamed Salleh Haji Awang dan Pesuruhjaya Agama (Wan Mokhtar 1997).

Wan Mokhtar merasakan sesi ujian lisannya tidak begitu memuaskan terutamanya dalam pelajaran fikah dan tauhid. Namun beliau berpuas hati kerana dapat mengarang dengan baik pada sesi kedua. Saya dapat mengarang semuka penuh kerana ideanya datang dengan mudah.

"Saya difahamkan rakan-rakan yang lain hanya mampu menulis satu pertiga halaman dan paling banyak sesetengah halaman sahaja."

(Wan Mokhtar 1997)

Kegembiraan Tergantung

Beliau menunggu keputusan dengan penuh debar. Sekiranya tidak berjaya, beliau memutuskan untuk meneruskan pengajian bahasa Inggeris di Pulau Pinang.

"Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetapkan bersiap siaga (di perbatasan negerimu) dan terapkan cara meningkatkan iman dan taqwa kepada Allah, supaya kamu beruntung".

(Ali Imran:100)

Kesabaran Wan Mokhtar akhirnya terjawab, beliau dan Engku Alwi bin Haji Engku Ambak telah disenaraikan sebagai dua calon yang lulus dalam sesi temu duga. Menerusi sepucuk surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan kepada Pesuruhjaya Agama Terengganu bertarikh 20 Jun 1953 mereka akan dikurniakan biasiswa ke Universiti Azhar. Lebih menarik lagi mereka merupakan pelajar pertama yang mendapat biasiswa tersebut.

Namun, berita gembira tersebut lama-kelamaan menjadi suram dan hilang begitu sahaja. Mereka dimaklumkan bahawa proses untuk mendapatkan visa memasuki Mesir memakan masa selama sembilan bulan. Sementara menunggu, Engku Alwi, meneruskan khidmat bakti beliau sebagai ustaz manakala Wan Mokhtar mengambil keputusan untuk mencari kerja sementara. Sekurang-kurangnya wang yang diperoleh dapat disimpan untuk keperluan menyambung pelajaran ke Mesir. Dengan kelulusan sijil bahasa Inggeris dan trengkas, beliau mencuba nasib untuk memohon jawatan sebagai kerani am di Rida Dock Yard, Pulau Kambing. Beliau menghantar borang permohonan kerja agak lewat namun nasib menyebelahi beliau. Kelebihan beliau dalam menaip memungkinkan beliau mendapat pekerjaan tersebut.

Setelah dua bulan bekerja, Wan Mokhtar diarah menghadiri kursus di Kuala Lumpur. Namun begitu, beliau membuat keputusan untuk tidak mengikuti kursus tersebut kerana bimbang jikalau semasa menghadiri kursus tersebut, visa untuk ke Mesir telah siap diproses. Beliau mengambil langkah untuk menemui pengurusan Rida Dock Yard bagi menjelaskan situasi yang beliau alami. Wan Mokhtar bernasib baik kerana mempunyai majikan yang sangat bertanggungjawab dan bertimbang rasa. Tempatnya telah digantikan dengan kakitangan yang lain dan Wan Mokhtar bertanggungjawab untuk menjalankan tugas perkeranian seorang diri. Beliau bersyukur kerana dapat melaksanakan tugas dengan sempurna.

Selepas tujuh bulan berlalu, berita untuk menyambung pelajaran di Universiti Al-Azhar masih samar-samar. Wan Mokhtar berasa sangat gelisah kerana tiada khabar berita daripada mana-mana pihak tentang kedudukan mereka. Atas persetujuan Engku Alwi, pada 13 Januari 1954, beliau memberanikan diri menulis surat kepada Pesuruhjaya Agama dan meluahkan rasa kecewa dan memohon penjelasan (Wan Mokhtar 1997).

Berikut merupakan sebahagian surat bertulis tangan itu:

...sehingga sekarang ini lebih kurang tujuh bulan lamanya, kami berdua belum lagi mendapat apa-apa berita tentang tarikh pemergian kami. Sungguhpun begitu lama masanya pihak kami berdua tidak pula kurang berusaha dalam lapangan pelajaran untuk menambahkan pengetahuan kami lagi. Dan tidaklah pula cita-cita kami untuk meneruskan pelajaran itu berubah...tidak kurang pula kami dihadapi beberapa pertanyaan: bilakah agaknya kami akan meneruskan pelajaran itu ?. Soalan itu sentiasa tertanya-tanya di kepala kami, kami bimbang kalau perkara yang membawa kebajikan kepada tanah air, bangsa dan agama ini akan tersekat atau terhapus begitu sahaja...

Sumber: Arkib Negara Cawangan Terengganu

Pada 18 Januari 1954, Pesuruhjaya Agama telah membalas surat Wan Mokhtar dengan mengatakan, pihak jabatannya telah membuat surat ulangan ke Kementerian Pendidikan Mesir, berhubung nasib pelajar tajaan kerajaan negeri Terengganu tetapi mereka belum mendapat apa-apa jawapan. Pesuruhjaya Agama menjelaskan bahawa kelewatan tersebut berkemungkinan kerana keadaan politik Mesir yang tidak begitu stabil selepas rampasan kuasa tentera yang diketuai Gamal Abdel Nasser. Surat jawapan daripada Pesuruhjaya Agama itu meredakan kegelisahan Wan Mokhtar dan Engku Alwi. Wan Mokhtar mengambil keputusan meneruskan kerjayanya di Rida Dock Yard.

BAB 2

Hari-hari yang Mencabar

Wan Mokhtar dimaklumkan bahawa terdapat enam orang pelajar dari Terengganu sedang belajar di Mesir. Mereka ialah Ahmad Haji Omar, Wan Mohd Husein Abdul Kadir, Wan Abdul Kadir Ismail, Wan Omar Ngah, Mohd Nor Awang dan Ismail Ibrahim. Kos pengajian mereka adalah di bawah tanggungan sendiri dan sumbangan orang ramai. Kemasukan mereka ke Universiti al-Azhar mendapat perakuan beberapa institusi agama di tanah air dan tokoh berpengaruh di Singapura.

Penantian yang Menyiksakan

Keistimewaan Wan Mokhtar dan Engku Alwi adalah mereka merupakan penuntut pertama yang mendapat tajaan kerajaan negeri. Walaupun berada di tanah air tetapi hampir setiap hari Wan Mokhtar berasa beliau sudah pun berada di bumi Arab. Beliau sering kali ke Pejabat Agama untuk mendapatkan penerangan mengenai keberangkatan dan butiran perbelanjaan yang diperlukan ketika berada di Mesir nanti. Hal ini bertujuan untuk memastikan beliau dan Engku Alwi dapat menyediakan tambahan wang saku bagi menampung keperluan diri dan perbelanjaan luar jangka.

Beliau dimaklumkan bahawa, anggaran kasar bagi setiap individu ialah 750 Ringgit dan tidak termasuk tambang kapal dari Pulau Pinang ke Port Said, Mesir. Perbelanjaan tersebut hanya meliputi pakaian seperti baju sejuk, tambang dari Kuala Terengganu ke Pulau Pinang, tambang dari Port Said ke Kaherah dan peralatan pembelajaran di peringkat awal di Mesir. Pelajar juga perlu membayar sewa bulanan penginapan sendiri.

Berkat kesabaran dan ketabahan, beliau telah dihubungi oleh seorang pegawai Pejabat Agama Negeri pada bulan Oktober 1954. Keberangkatan mereka ke Mesir sudah ditetapkan pada pertengahan bulan November 1954 dengan kapal laut melalui pelabuhan Pulau Pinang. Wan Mokhtar sedar, sebagai pelajar perintis daripada sekolah aliran Arab yang dihantar oleh kerajaan ke Mesir, merupakan pengiktirafan terhadap pendidikan aliran Arab di Terengganu. Kejayaan dua orang pelajar lepasan Madrasah Sultan Zainal Abidin ke Universiti al-Azhar merupakan satu kebanggaan. Hadiah biasiswa yang bakal diterima tidak dapat dibalas dengan kata-kata (Wan Mokhtar 1999).

Wan Ahmad memutuskan untuk menemani Wan Mokhtar sementara Engku Alwi akan ditemani oleh ayahnya Haji Engku Ambak. Perjalanan bermula dari Kota Bharu dengan menaiki bas dan memasuki sempadan Thailand sebelum menyambung perjalanan ke Pulau Pinang melalui kereta api ke Seberang Prai. Malangnya sebaik sahaja tiba di Kota Bharu, Haji Engku Ambak diserang penyakit pening yang teruk lalu mengambil keputusan untuk pulang ke Kuala Terengganu. Oleh itu, Engku Haji Ambak menyerahkan anaknya kepada Wan Ahmad untuk meneruskan perjalanan ke Pulau Pinang.

Sesampai di Pulau Pinang pada 12 November 1954, Wan Ahmad dimaklumkan bahawa kapal mewah SS Chusan milik Syarikat P & O telah menangguhkan pelayaran pada 13 November ke 15 November. Sementara menunggu hari pelayaran, mereka menginap di sebuah hotel tidak jauh dari pelabuhan. Hari yang dinanti berkhujungnya tiba, sebaik sahaja kapal itu bertolak, Wan Ahmad mengirim telegram kepada Pesuruhjaya Agama Terengganu, memaklumkan kapal SS Chusan yang dinaiki anaknya bersama Engku Alwi sudah meninggalkan pelabuhan jam 12.00 tengah hari.

Pengalaman di Laut

Tiga belas hari berada di lautan meninggalkan kenangan manis yang sukar untuk dilupakan. Ia merupakan pengalaman pertama Wan Mokhtar untuk menaiki kapal laut dan menempuh lautan. Wan Mokhtar dan Engku Alwi sering naik ke dek untuk melihat pandangan laut. Sepanjang perjalanan udara sangat nyaman tetapi bertukar menjadi sejuk sebaik tiba di Terusan Suez. Baju jaket

yang dibawa seperti tidak memadai menutupi tubuh mereka. Setibanya di Port Said, urusan menurunkan beg, pemeriksaan pasport, kastam dan kesihatan berjalan lancar. Menunggu mereka ialah Encik Ahmad Haji Omar, bekas guru Madrasah Sultan Zainal Abidin, yang ditugaskan untuk menjemput mereka. Kedatangan mereka telah dimaklumkan melalui surat oleh Pesuruhjaya Agama Terengganu kepada Yang Dipertua Persatuan Pelajar Melayu al-Azhar, Ibrahim Ahmad Sharif (Ahmad Haji Omar 1995).

Mereka telah dibawa Kaherah dengan kereta yang disewa oleh Encik Ahmad. Pada permulaannya mereka cuba menyewa sebuah bilik di sebuah flat, tetapi gagal. Ekoran itu, mereka menginap sementara di Harah Darwish, Sh. Sultan Husin Abidin, Kaherah. Encik Ahmad kemudiannya membawa mereka ke sebuah Hotel Parlimen yang terletak di hadapan pasar besar Kaherah. Sementara mendapatkan bilik tetap, mereka terpaksa menyewa di hotel itu selama tiga minggu. Kisah Wan Mokhtar menginap di Hotel Parlimen mendapat teguran Pesuruhjaya Agama kerana menganggap hotel yang disewa itu sebagai hotel mewah sedangkan ia sebuah hotel bajet. Akhirnya pada 5 Januari 1955, Wan Mokhtar dan Engku Alwi berpindah menyewa sebuah bilik di sebuah flat dengan sewa lapan pound sebulan (Wan Mokhtar 2008).

Kehadiran mereka di bawah tajaan kerajaan mendapat liputan sebuah akhbar harian di Mesir. Wan Mokhtar dan Engku Alwi telah dibawa oleh Ibrahim Ahmad Sharif ke pejabat pendaftaran di Universiti al-Azhar. Malangnya mereka diminta datang seminggu kemudian kerana pejabat itu dikatakan sedang sibuk (Engku Alwi 1988).

Halangan yang Meresahkan

Mereka terperanjat besar apabila pendaftaran masuk ke Universiti al-Azhar tidak diterima. Pihak pengurusan universiti meragui tentang kebolehan lepasan Madrasah Sultan Zainal Abidin. Wan Mokhtar dan Engku Alwi diminta memasuki sekolah menengah mereka selama tiga tahun. Peraturan baharu itu tidak dimaklumkan kepada Persatuan Pelajar Melayu Mesir.

Berita malang itu disampaikan oleh Persatuan Pelajar Melayu Mesir kepada Syed Ibrahim al-Saggof di Singapura yang sangat berpengaruh di Mesir. Syed Ibrahim menasihatkan persatuan

supaya meminta Wan Abdul Kadir Ismail untuk memaklumkan kepada Majlis Mukhtar Islam yang diketuai oleh Menteri negara Mesir iaitu Anwar Sadat. Atas nasihat tersebut Wan Abdul Kadir Ismail membawa Wan Mokhtar dan Engku Alwi menemui Anwar Sadat di Kaherah. Dalam pertemuan tersebut, Wan Abdul Kadir memberitahu kedudukan kedua pelajar dari Terengganu itu sebagai pelajar perintis yang mendapat tajaan penuh sebuah kerajaan negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka terikat dengan perjanjian seperti bantuan kewangan dalam tempoh tertentu dan ditentukan juga masa menamatkan pengajian. Dalam pertemuan bersejarah itu, Anwar Sadat mengambil perhatian dan bersimpati terhadap kesulitan yang dihadapi dua pelajar baharu dari Tanah Melayu itu.

Lima hari kemudian, pihak pentadbiran urusan Kementerian Pendidikan Mesir menjemput Wan Mokhtar dan Engku Alwi ke pejabat. Mereka diberitahu bahawa mereka akan menjalani ujian khas. Sekiranya mereka lulus, mereka akan dinaikkan terus ke kelas menengah tiga dan akan dibenarkan memasuki kuliah tahun pertama Universiti al-Azhar selepas lulus kelas menengah tiga.

Wan Mokhtar dan Engku Alwi menerima cabaran yang ditawarkan itu, walaupun ia suatu tugas yang sangat mencabar keupayaan. Pada waktu itu sekolah peringkat menengah yang dikelolakan oleh universiti itu masih berbaki tiga bulan lagi sebelum akhir persekolahan.

Peristiwa kekangan pengajian mereka diceritakan oleh Wan Mokhtar dalam suratnya kepada Pesuruhjaya Agama Terengganu. Ia membawa kepada satu pertikaian antara Pejabat Agama dengan Guru Besar Madrasah Sultan Zainal Abidin. Dalam surat itu, Wan Mokhtar membuat andaian sekiranya mereka gagal dalam ujian tersebut, masa hadapan mereka untuk belajar di universiti terkenal di Timur Tengah itu menjadi gelap. Risiko yang bakal mereka hadapi ialah biasiswa yang ditawarkan akan dibatalkan.

Ekoran daripada itu, Pesuruhjaya Agama Terengganu dalam surat bertarikh 26 Disember 1954 yang ditujukan kepada Guru Besar Madrasah Sultan Zainal Abidin, menggesa sekolah tersebut mengkaji semula sukatan pelajaran yang boleh disesuaikan dengan kehendak Universiti al-Azhar. Pada 4 Januari 1955, satu mesyuarat khas guru-guru madrasah telah diadakan. Menurut Sheikh Mahmood Bakar Rafei dalam suratnya kepada

Pesuruhjaya Agama Terengganu, dia menafikan sama sekali dakwaan mengatakan madrasah tersebut gagal mengeluarkan pelajarnya layak memasuki Universiti al-Azhar (Mahmood Bakar Rafei 1996).

Menurutnya, surat Pesuruhjaya Agama yang ditandatangani oleh Tengku Pekerma itu seolah-olah menempelak kegagalan Madrasah Sultan Zainal Abidin menyediakan pelajarnya melanjutkan pengajian di universiti tersebut.

“Madarasah pimpinan saya tidak boleh disalahkan kerana pemilihan itu dibuat oleh kerajaan negeri. Lagi pun matlamat madrasah ditubuhkan semata-mata untuk membantu kerajaan negeri menyediakan dan membekalkan guru-guru agama sahaja, bukan sebagai tempat persediaan pelajarnya ke universiti. Kelulusan darjah VII Arab *Thanawi* sudah memadai”

(Mahmood Bakar Rafei 1996)

Namun, madrasah tersebut tidak keberatan melakukan rombakan sukatan bagi tujuan penyediaan pelajar ke pengajian yang lebih tinggi. Bagaimanapun, Sheikh Mahmood Bakar Rafei membidas Pejabat Agama kerana tidak memberikan penerangan yang secukupnya kepada Wan Mokhtar dan Engku Alwi sedangkan tempoh sebelum keberangkatan cukup panjang iaitu, hampir dua tahun.

Pejabat Agama turut dibidas kerana menolak permohonan bertukar Engku Alwi daripada mengajar di Mengabang Telipot ke sekolah yang lebih dekat dengan tempat guru itu beroleh ilmu bantu sebelum ke Mesir. Menurut beliau, Pejabat Agama membiarkan Wan Mokhtar terus bekerja tanpa diberikan apa-apa bimbingan. Menurut pemahaman beliau, lepasan Madrasah Sultan Zainal Abidin tidak akan diterima masuk ke universiti di Timur Tengah dengan syahadat (sijil) setakat darjah VII sahaja. Dia difahamkan, pelajar sebelum itu akan melalui satu peperiksaan yang dinamakan *imtihan dukhul*. Hanya mereka yang lulus ujian tersebut baharulah diterima masuk ke universiti mereka.

Dalam surat sepanjang lima halaman itu, Sheikh Mahmood Bakar Rafei merasa kesal kerana Mufti Negeri yang berkelulusan Universiti al-Azhar yang banyak pengalaman itu sepatutnya memberikan taklimat kepada Wan Mokhtar dan Engku Alwi sebelum mereka berangkat ke sana. Di pengakhiran surat tersebut,

WAN MOKHTAR AHMAD

PENCETUS KEBANGKITAN TERENGGANU MODEN

Bakat kepimpinan Wan Mokhtar yang didandani dengan kesungguhan dan ilmu tidak dapat dinafikan. Selama 25 tahun mentadbir Terengganu bermula pada 1974-1999, tokoh ini amat dikenali sebagai seorang pemimpin yang mengutamakan pembangunan dan penyebaran pendidikan Islam. Perjalanan bekas guru bahasa Inggeris ini dalam kancah politik bermula pada tahun 1963 dengan terlibat secara aktif dalam UMNO. Beliau menjadi Ahli Parlimen Kemaman setelah memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 1964. Pelbagai perubahan telah dilakukan untuk kebaikan rakyat.

Meskipun tidak lagi menjadi Menteri Besar pada tahun 1999, ternyata khidmat dan sumbangannya masih lagi diperlukan apabila beliau dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi bagi tempoh lima tahun iaitu pada 2000-2005. Sesungguhnya, Wan Mokhtar memenuhi ciri-ciri seorang pemimpin yang berkarisma dan pentadbir yang cekap.

Buku ini sesuai untuk bacaan setiap lapisan masyarakat. Diharapkan dengan penerbitan buku ini masyarakat akan lebih mengenali peribadi dan ketokohan Wan Mokhtar sebagai seorang pencinta ilmu yang menekankan kepentingan pendidikan.

SHARIF PUTERA, merupakan seorang bekas guru yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan kesusasteraan tulen. Beliau juga merupakan seorang aktivis sastera dan budaya di negeri Terengganu. Sehingga kini beliau masih aktif dalam bidang penulisan dan telah menghasilkan lebih daripada 50 buah buku, 130 cerpen dan puluhan rencana. Kemuncak di atas kejayaan dalam bidang keguruan, beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Guru Negeri Terengganu pada tahun 2002 dan merupakan penerima Anugerah Sasterawan Darul Iman 2003.



PENERBIT
Universiti Sultan Zainal Abidin

ISBN 978-967-2231-66-0



9 789672 231660

RM37.00